



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
PERSIARAN SEMARAK API, CYBER 1
63200 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

TELEFON : 603-83190200, 83190300

FAKS : 603-83190220

: 603-83190399

<http://www.mpsepang.gov.my>



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2008
AR 4045



"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MP.SEPANG 600-45/1/59 (21)
Tarikh : 02 Zulkaedah 1435H
28 Ogos 2014

Pengarah,
Plenitude Permai Sdn Bhd,
No.31, Jalan PP 2/2,
Taman Putra Prima,
47100 PUCHONG
Selangor Darul Ehsan
(e-mail : tai.yoon.jen@plenitude.com.my)

Tuan,

MAKLUM BALAS NOTIS DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) (SELANGOR) 2001

- *Notis Supaya Membina Pagar (Fencing) Berhadapan Kawasan Lapang Di Sepanjang Jalan PP 2/9 (Fasa 8A) Oleh Pihak Pemaju (Plenitude) Di Taman Putra Prima Fasa 8A Dan Fasa 8B Di Taman Putra Prima, Puchong, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan*

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada surat Pentadbiran ini bertarikh 1 April 2014 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Berdasarkan perbincangan dan maklum balas yang diterima melalui email bertarikh 8 April 2014 yang melibatkan tiga (3) pihak berkepentingan iaitu Pemaju (Plenitude Sdn Bhd), Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8A dan Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8B, persetujuan telah dicapai dengan Pilihan 2 seperti berikut

Pilihan Dua (2)

- Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8A dan Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8B membentuk Skim Komuniti Berpagar dan Berpengawal secara berasingan ;
- Satu (1) Pagar baru yang mengadang kawasan lapang akan di bina di sepanjang Jalan PP2/9 (Fasa 8A) oleh pihak Pemaju dan pihak Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8A dan Fasa 8B boleh menggunakan kawasan lapang tersebut mengikut waktu yang ditetapkan oleh Persatuan masing-masing.

3. Dalam hubungan ini, pihak Majlis secara dasarnya tiada halangan terhadap pilihan tersebut memandangkan kedua-dua Persatuan telah bersetuju dan juga memperoleh kelulusan TOL daripada PTD Sepang, Bekalan air daripada pihak SYABAS, bekalan elektrik daripada pihak TNB dan juga kelulusan Skim Komuniti Berpagar dan Berpengawal daripada pihak MP Sepang.

..1/2

4. Justeru itu, bagi mengekalkan keharmonian antara penduduk dan 'stakeholder' yang lain, pihak Majlis memohon pihak tuan selaku pemaju bagi Taman Putra Prima menyelesaikan permasalahan ini dengan **membina pagar berhadapan kawasan lapang sepanjang Jalan PP2/9** serta disediakan pintu-pintu kecil selaras dengan keputusan bersama kedua-dua Persatuan Penduduk.

5. Pihak tuan diberi tempoh **satu (1) bulan** daripada tarikh penerimaan surat ini atau selewat-lewatnya pada **15 Oktober 2014** untuk mematuhi perkara di para 2, 3 dan 4.

6. **SILA AMBIL PERHATIAN**, sekiranya pihak tuan didapati gagal/cuai/enggan mematuhi arahan-arahan Majlis, pihak Majlis akan mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada tanpa rujukan selanjutnya kepada pihak tuan dan segala kos yang berkenaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak tuan.

7. Kerjasama dan tindakan segera pihak tuan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ADHAM BIN HJ MAHMOOD)

Penolong Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar
b.p. Yang Dipertua

mam/rmy... 140828_Plenitude Solve Issue Skim G&G TPP8A & 8B.doc

sk;

Pengarah, **Jabatan Perancangan Bandar**,
Majlis Perbandaran Sepang

Pengarah, **Jabatan Bangunan**,
Majlis Perbandaran Sepang

Pengarah, **Jabatan Kejuruteraan**,
Majlis Perbandaran Sepang

Encik Kong Kok Meng,

Pengerusi, Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8A,
No.2, Jalan PP 2/8, Taman Putra Prima,
47100 PUCHONG, Selangor Darul Ehsan.
(email : tpp8a.ra@gmail.com)

Encik Lai Koon Ming,

Pengerusi, Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8B,
No. 95, Jalan PP 2/12, Taman Putra Prima,
47000 PUCHONG, Selangor Darul Ehsan.
(email : laikoonming@hotmail.com , tamanputraprimap8b@gmail.com)